

TERMINOLOGI AHLI SUNNAH WAL JAMAAH: KRONOLOGI PENGISTILAHAN UMUM KEPADA KHUSUS DALAM AKIDAH DAN KONFLIK DALAMAN UMAT ISLAM

*Terminology of Ahli Sunnah Wal Jamaah: Chronology of
General to Specific Termination in Faith and Internal Conflict
of Muslims*

Mohd Azhar Abdullah^{1*}, Ahmad Arif Zulkefli², Mohd Saiba Yaacob¹, Ahmad Syakir
Mohd Nassuruddin¹ & Muhammad Amiri Abdu Ghani¹

¹ Faculty of Syariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 16010 Kota Bharu, Malaysia

² Department of Usul al-Din & Comparative Religion, Abdul Hamid Abu Sulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences, International Islamic University Malaysia, 53100, Selangor, Malaysia

*Corresponding author e-mail:
dr.har68@gmail.com

Received: 24-07-2024
Accepted: 16-12-2024
Published: 28-10-2025

How to Cite:

Abdullah, M.A, Zulkefli, A.A, Yaacob, M. S., Nassuruddin, A. S. M. & Ghani, M. A. A. (2025). Terminologi Ahli Sunnah wal Jamaah: Kronologi Pengistilahan Umum Kepada Khusus dalam Akidah dan Konflik Dalaman Umat Islam. *Jurnal Dirasatica: Jurnal Pengajian Islam Kontemporari*, 1(1), 47-75

ABSTRACT

There will be no other ummah after the Prophet Muhammad SAW until the Day of Judgment. This ummah has been divided into seventy-two sects, of which only one will be saved. The name and characteristics of this saved group are encompassed within several terms: "Ahl al-Sunnah," "Ana wa Ashabi," "al-Firqah al-Najiyah," and "al-Sawad al-'Azam," which later culminated in the term "Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah." Various sects have vied for these titles to legitimize their respective movements. This situation witnessed significant confrontations during the era of the salaf al-salih with the Shia, Qadariyah, Mu'tazilah, and Jahmiah, leading to the exclusive association of Ahli Sunnah Wal Jamaah with the Asha'irah and Maturidiah schools. In Malaysia, the conflict emerged under the terms kaum tua and kaum muda in the early 19th century. The drafting of the Mufti Enactment (Federal Territories) 2024 revealed the underlying reality of the clash with Wahhabi-Salafi ideologies, which had previously been ambiguous. These groups claimed that the specialization of the Asha'irah and

Maturidiah schools was rigid, narrow, and exclusive. Numerous studies on Ahli Sunnah Wal Jamaah have been published, discussing methodology, historical context, and the role of the Asha'irah and Maturidiah schools. However, chronological explanations of how these two schools came to hold a principal position within Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah have received less attention. Thus, this historical study explains the association of these two theological schools with Ahli Sunnah Wal Jamaah. This quantitative research employs content analysis through archival examination and reviews of classical and contemporary Islamic texts as well as scholarly research. The findings of this study affirm and strengthen the understanding and conviction of the Muslim community that the Asha'irah and Maturidiah schools represent the theological methodology that embodies Islamic tawhid according to the manhaj of the salaf al-salih. The governing authorities must acknowledge and legislate these schools to strengthen Islamic administration systematically.

Keywords: *Terminology; Asha'irah; Maturidiah; Ahli Sunnah Wal Jamaah; Specialization.*

ABSTRAK

Tiada lagi umat lain selepas perutusan Nabi Muhammad SAW sehingga hari kiamat. Perpecahan umat ini kepada tujuh puluh tiga golongan dan hanya satu golongan sahaja terselamat. Nama dan ciri-ciri bagi satu golongan yang terselamat terkandung dalam beberapa istilah; "ahl al-Sunnah", "Ana wa Ashabi", "al-Firqah al-Najiyah", "al-Sawad al-A'zam", kemudian dilengkapkan kepada "Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah". Semua golongan berebut-rebut menisbahkan dengan istilah-istilah tersebut bagi membenarkan alirannya. Hal yang demikian menyaksikan pertembungan yang besar pada zaman salaful soleh dengan Syiah, Qadariah, Muktaizilah dan Jahmiah sehingga nama bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah dikhususkan kepada mazhab Asha'irah dan Maturidiah. Di Malaysia, konflik muncul dengan istilah kaum tua dengan kaum muda pada awal abad ke-19. Penggubalan RUU Mufti (Wilayah Persekutuan) 2024 menzahirkan hakikat pertembungan dengan wahabi-salafi yang sebelum ini samar-samar. Ada yang mendakwa pengkhususan Asha'irah dan Maturidiah sebagai jumud, sempit dan eksklusif seterusnya membawa kepada konflik dalaman yang runcing. Kajian-kajian Ahli Sunnah Wal Jamaah banyak diterbitkan menyentuh isu manhaj, persejaraan dan peranan mazhab Asha'irah dan Maturidiah. Dalam pada itu, penjelasan secara kronologi bagaimana kedua-dua mazhab tersebut mengambil tempat utama kepada Ahli Sunnah wal Jamaah kurang diberikan perhatian. Sehubungan itu, kajian persejaraan ini menjelaskan secara kronologi penisbahan dua mazhab akidah kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kajian kualitatif ini menggunakan kajian kandungan melalui penelitian arkib dan kepustakaan kitab-kitab turath, semasa dan kajian-kajian ilmiah. Dapatan kajian ini mengukuhkan kefahaman dan keyakinan umat Islam bahawa mazhab Asha'irah dan Maturidiah adalah manhaj akidah yang merangkumkan tauhid Islam menurut manhaj salaful soleh. Pihak pemerintah perlu konsisten dalam memperundangkan kedua-dua mazhab tersebut bagi memantapkan pentadbiran Islam dan memelihara perpaduan.

Kata Kunci: *Istilah; Asha'irah; Ahli Sunnah Wal Jamaah; Pengkhususan.*

1. Pendahuluan

Konflik Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan kelompok bidaah, syaz dan sesat akan berlanjutan hingga kiamat disebabkan sunnatullah di dunia ini. Sejurus Rasulullah SAW wafat, golongan murtad muncul pada zaman Abu Bakar r.a diikuti dengan fitnah besar kelompok Khawarij pada zaman Saidina Uthman r.a, dan seterusnya kemunculan Syiah pada zaman Saidina Ali r.a. Fitnah tersebut adalah sebab utama pembunuhan kedua-dua khalifah terakhir tersebut dan menamatkan kerajaan Khulafa' al-Rashidin pada tahun 40 Hijrah. Perbincangan berkenaan siapakah yang dimaksudkan dengan Ahl al-Sunnah pada asasnya bertujuan untuk membezakan Ahl al-Sunnah daripada Ahl al-Bid'ah yang terdiri dalam kalangan Syiah, Khawarij, Qadariah, Muktaizilah, Jabariah, Jahmiah dan pelbagai golongan lain yang sesat lagi menyesatkan. Pengertian Ahl al-Sunnah yang lebih umum terkandung dalam kitab 'Aqidah al-Najin yang menjelaskan bahawa "Ahl al-Sunnah adalah terdiri dalam kalangan mazhab Ahl al-Salaf dan mazhab Khalaf (Zayn al-'Abidin, T.th). Pengertian di atas bersifat lebih umum kerana selain daripada ulama Salaf, ia turut memasukkan para ulama Khalaf yang muktabar sebagai Ahl al-Sunnah yang sebenar. Gelaran Ahli Sunnah Wal Jamaah pada suatu ketika dahulu digunakan untuk membezakan kumpulan terbesar umat Islam daripada kelompok minoriti seperti Syiah, Khawarij, Muktaizilah dan Murjiah. Gelaran tersebut ditujukan dan dipasang kepada tokoh-tokoh ulama muktabar daripada bidang fiqh, akidah, tasawuf, hadis dan qiraat seperti Imam Shafie, al-Bukhari, Ashar'iah dan Nafi' (Zulkifli al-Bakri, 2014)

Di Nusantara, khususnya di Malaysia menyaksikan pertembungan kaum konservatif dengan kaum progresif. Berita Harian (1958) melaporkan persengketaan di kampung Tangkak, Jasin, Melaka. Pada awal abad ke-19, aliran progresif atau juga dikenali kaum muda mula mendapat tempat di Tanah Melayu. Aliran ini dipengaruhi oleh Muhammad bin Abdul Wahhab di Hijaz dan Jamaludin al-Afghani di Mesir. Gerakan kaum muda mengancam golongan konservatif yang komited dengan mazhab Shafie dalam fiqh dan mazhab Asha'irah dalam akidah. Pertikaian utama berkisar kepada pengajian Sifat 20, manhaj takwil pada ayat-ayat mutashabihat dan perkara-perkara khilafiah dalam fiqh seperti talkin, bacaan Yasin malam Jumaat dan sambutan Maulidul Rasul (Abu Hanifah Harith, 2024; Ibrahim, 2018). Perebutan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak pernah berakhir di Malaysia, kecuali pasang surut dalam cabaran semasa. Hal ini dibuktikan dalam isu penentuan mazhab Asha'irah dan Maturidiah bagi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam RUU Mufti (Wilayah Persekutuan) 2024. Penentuan tersebut telah mendapat tentangan terbuka, keras dan tajam daripada kelompok aliran wahabi-salafi. Persengketaan ilmiah menjadi lebih kompleks dan rumit dengan semua pihak membincangkan isu tersebut dalam media sosial yang boleh mengancam perpaduan dan keharmonian di negara ini. Pihak kerajaan berdepan tentangan dan berkerja keras memberikan penerangan untuk menangkis serangan, bahkan minta ahli akademik yang mempertikai RUU Mufti

Wilayah Persekutuan supaya mohon maaf (Berita Harian, 2024; Malaysiagazette. 2024; MalaysiaNow, 2024).

2. Skop dan Metodologi Kajian

Penulisan artikel ini menggunakan metodologi kualitatif berdasarkan analisis kandungan. Skop atau bidang utama kajian ialah persejarahan bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kajian memanfaatkan sumber arkib dan perpustakaan untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan bentuk-bentuk terminologi Ahli Sunnah Wal Jamaah bagi meneliti perkembangan dan persejarahannya. Rumusan secara deskriptif berdasarkan perubahan-perubahan terminologi tersebut, kajian merumuskan istilah khusus bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mantap dan berautoroti bagi pegangan umat Islam. Pengistilahan khusus kepada mazhab mazhab Asha'irah dan Maturidiah bagi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah suatu kesepakatan ulama berdasarkan asas-asas syarak yang jelas.

3. Asas Perbincangan

3.1 Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah

Secara ringkas, istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah berasal daripada bahasa Arab yang tergabung daripada tiga perkataan, iaitu '*ahl*', '*sunnah*' dan '*jama'ah*'. Dalam bahasa Arab, '*ahl*' ialah individu, khususnya lelaki dalam keluarga dan kerabat. '*Sunnah*' bermaksud jalan yang dijalani dan diikuti sama ada jalan yang baik atau buruk. '*Al-Sunnah*' pada istilah ialah sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW. Manakala '*al-jama'ah*' ialah sekumpulan manusia sama ada bilangan ramai atau sedikit (Ibn Manzur, 1990; al-Razi; T.th; Ibrahim et al, 1972).

Kamus Dewan (2007) memberikan maksud ahli ialah anggota bagi pertubuhan, persatuan atau golongan sama ada parti atau persatuan. Maksud yang lebih khusus ialah orang yang mahir atau mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang, pakar atau sangat mahir dalam sesuatu bidang. Maksud jemaah ialah kumpulan orang beribadat, orang ramai atau perjumpaan ramai. Ia juga digunakan bagi sekumpulan manusia yang menganggotai badan eksekutif yang secara kolektif bertanggungjawab bagi menentukan dasar kerajaan. Manakala sunnah ialah peraturan atau adat yang berdasarkan perbuatan dan perkataan Nabi Muhammad SAW yang digalakkan amalannya. Berdasarkan maksud-maksud tersebut Kamus Dewan memberikan maksud ringkas Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah golongan yang berpegang teguh pada perbuatan dan perkataan Nabi Muhammad SAW.

Gelaran Ahli Sunnah Wal Jamaah pada suatu ketika dahulu digunakan untuk membezakan kumpulan terbesar umat Islam daripada kelompok minoriti seperti Syiah, Khawarij, Muktazilah dan Murjiah. Ia merujuk kepada dasar satu pegangan yang solid mengikut jalur keilmuan Islam yang sebenar, dan asal mengikut acuan Islam. Ia bukan jenama yang sekadar dilekatkan kepada mana-mana pertubuhan. Gelaran tersebut ditujukan kepada tokoh-tokoh ulama muktabar daripada bidang fiqh, akidah, tasawuf, hadis dan qiraat seperti Imam Shafie, Abu al-Hasan al-Asha'ari, Junaid al-Baghdadi, al-

Bukhari dan Nafi' (Zulkifli al-Bakri, 2014). Sehubungan itu, istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan istilah yang bersumberkan nas-nas syarak yang banyak (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2018). Istilah ini merujuk kepada golongan ulama muktabar daripada umat Nabi Muhammad SAW yang lahir selepas kebangkitan Baginda SAW hingga kiamat. Daripada kalangan orang-orang beriman itu, mereka berpecah-pecah kepada tujuh puluh tiga kelompok disebabkan panutan dan aliran beragama yang berbeza-beza dan tergelincir dari landasan kebenaran Islam. Kemunculan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan satu keperluan syarie bagi mengelompokkan sebahagian daripada umat Nabi Muhammad SAW yang mengikuti manhaj yang benar berdasarkan kehendak wahyu. Selain daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah tidak layak mendapat pengiktirafan sebagai yang benar dan diakui oleh Islam. Namun istilah itu pada peringkat awal adalah umum dan longgar yang boleh dimanipulasi oleh kelompok bidaah atau sesat. Lantaran itu, ulama Salaf, Khalaf dan ulama mutakhirin mengkhususkan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada manhaj mazhab-mazhab tertentu bagi memudahkan pengecaman, sekali gus menangkis penyalahgunaan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah pada tempat yang salah (Zayn al-'Abidin, T.th).

Ahli Sunnah Wal Jamaah bukan istilah yang sempit atau eksklusif kepada mazhab tertentu. Ia suatu rangkuman yang universal bagi seluruh umat Nabi Muhammad SAW yang dijamin benar dan berjaya meraih Syurga yang hakiki. Ibn Umar RA meriwayatkan daripada Rasulullah SAW:

وَأَنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ تَفَرَّقَتْ عَلَى ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ مِلَّةً وَتَفَتَّرْتُ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِلَّةً كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِلَّةً وَاحِدَةً قَالُوا وَمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي

Terjemahan: Sesungguhnya bani Israil berpecah kepada tujuh puluh dua golongan. Umatku berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan, semuanya masuk neraka kecuali satu (golongan). Sahabat bertanya; siapakah golongan itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab; (golongan) yang mengikuti jalanku dan sahabatku.

[Sunan al-Tirmidhi, no. hadis: 2641; al-Mu'jam al-Kabir Tabarani, no. hadis: 62. Hadis hasan]

Berdasarkan hadis di atas Rasulullah SAW menyatakan hanya satu golongan dijamin selamat, manakala tujuh puluh dua golongan lagi akan tergelincir ke dalam neraka. Oleh hal yang demikian, ia menjadi rebutan pelbagai kelompok. Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah secara lengkap menelurusi perkembangan sejajar dengan pertembungan pelbagai aliran, khususnya bidang akidah dan fiqh. Pada peringkat sahabat dan peringkat awal zaman salaful soleh istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah kurang popular kerana lebih dikenali dengan istilah "Ahli Hadis" atau "Ahli Sunnah" sahaja (Engku Ahmad Zaki, 2007).

3.2 Zaman Sahabat r.a

Al-Suyuti (2015) menakrifkan sahabat r.a adalah seseorang yang sempat bertemu dengan Rasulullah SAW semasa hidupnya dan beriman dengannya, walaupun umurnya ketika itu masih mumaiyiz. Zaman sahabat r.a bermula dari tahun ke-10 Hijrah; tahun kewafatan Baginda SAW hingga tahun ke-100 Hijrah. Ini berdasarkan sahabat r.a yang terakhir yang wafat ialah Abu al-Thufayl r.a pada 110 Hijrah di kota Mekah. Ibn Kathir (1999) menukarkan;

صَحَابِيٌّ وَهُوَ آخِرُ مَنْ رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَفَاتَهُ بِالْإِجْمَاعِ قَالَ: رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَسَلَّمَ يَسْتَلِمُ الرُّكْنَ بِمِحْجَتِهِ وَذَكَرَ صِفَةَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Terjemahan: (Abu al-Thufayl) ialah sahabi. Beliau ialah sahabat terakhir yang wafat melihat Nabi SAW dengan ijmak. Abu al-Thufayl berkata; “Aku melihat Nabi SAW memberi *istilam* pada rukun (Yamani) dengan tongkatnya (yang tiada kepala). Beliau menyifatkan sifat Nabi SAW.

Oleh hal yang demikian, Subhi (1984) menafikan sekeras-kerasnya dakwaan seseorang yang mengaku dirinya sebagai sahabat r.a selepas tempoh 100 tahun Hijrah seperti dakwaan dusta Ja’far bin Nusthur al-Rumi yang meninggal tahun 200 Hijrah dan Sarabatik al-Hindi (سَرَبَاتِكُ الْهِنْدِيِّ) yang meninggal pada tahun 333 Hijrah. Al-Suyuti (T.th) merekodkan jumlah sahabat Rasulullah SAW adalah lebih kurang 124,000 orang. Daripada jumlah tersebut, hanya 500 sahabat yang terkenal dalam bidang periwayatan hadis. Manakala lebih kurang 100 sahabat r.a pula masyhur dalam bidang kefatwaan yang disebut sebagai “fuqaha al-sahabat”.

Al-Tabari (1992) menukarkan perkataan Ibn Abbas r.a telah menggunakan istilah Ahli Sunnah ketika menafsir ayat 106, surah Al Imran yang bermaksud; “(Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam” dengan maksud seperti di bawah;

تَبْيَضُ وُجُوهُ أَهْلِ السُّنَّةِ وَتَسْوَدُّ وُجُوهُ أَهْلِ الْبِدْعَةِ

Terjemahan: Wajah yang menjadi putih berseri ialah ahli sunnah dan wajah yang menjadi hitam legam ialah ahli bidaah.

Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah pada peringkat sahabat umum, luas dan *simple*. Mereka merujuk kepada sunnah Rasulullah SAW seperti istilah “ahli al-Sunnah” atau tanpa penyandaran kepada mana-mana individu. Sebaliknya Ahli Sunnah adalah satu bentuk pegangan yang solid terhadap ajaran Islam, yang diwahyukan daripada Allah SWT kepada RasulNya. Hal ini bukan suatu yang aneh, kerana kebenaran Islam ketika itu mudah dikenali, dirujuk dan didominasi oleh ketokohan para sahabat r.a. Hal ini menyebabkan tidak berlaku kekeliruan, sementara penyelewengan akidah pada zaman tersebut, kecuali akan diingkari dan dijelaskan oleh para sahabat r.a. Mereka adalah rujukan muktamad dan sumber hukum selepas kewafatan Rasulullah SAW.

Ketika zaman Sahabat r.a, berlakunya beberapa pembukaan di wilayah-wilayah seperti Iraq, Mesir dan lain-lain. Dari situ, ada di kalangan umat Islam yang terpengaruh dengan ideologi-ideologi asing sehingga mencetuskan aliran-aliran baru khususnya pada zaman Tabi'in. Di penghujung zaman Khulafa' al-Rashidin, berlakunya konflik politik di kalangan umat Islam. Konflik ini digerakkan oleh para munafiq zaman itu, dan membawa kepada kemunculan kumpulan Khawarij dan Syiah (Abu Zahrah, 2007).

3.3 Zaman Tabiin dan Pengikut Tabiin.

Zaman selepas 100 tahun Hijrah menyaksikan perkembangan ilmu dalam acuan pengkhususan bidang, mencakupi akidah, fiqh dan tasawuf sekali gus menerbitkan tokoh-tokoh tertentu dalam bidang berkenaan. Al-Mubarakrubi (2015) dalam Tuhfaz al-Ahwadhi Sharh Sunan al-Tirmidhi dan al- 'Azim Abadi (1968) dalam 'Awn al-Ma'bud Sharh Sunan Abi Dawud menukilkan perkataan al-Suyuti;

قَالَ السُّيُوطِيُّ : وَالْأَصَحُّ أَنَّهُ لَا يَنْضَبُ بِمُدَّةِ فَرَقْنَاهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هُمُ الصَّحَابَةُ وَكَانَتْ مُدَّتُهُمْ مِنَ الْمَبْعَثِ إِلَى آخِرِ مَنْ مَاتَ مِنَ الصَّحَابَةِ مِائَةً وَعِشْرِينَ سَنَةً . وَقُرْنُ التَّابِعِينَ مِنْ مِائَةٍ سَنَةٍ إِلَى نَحْوِ سَبْعِينَ ، وَقُرْنُ أَتْبَاعِ التَّابِعِينَ مِنْ ثَمَّ إِلَى نَحْوِ الْعِشْرِينَ وَمِائَتَيْنِ وَفِي هَذَا الْوَقْتِ ظَهَرَتْ الْبِدْعُ ظُهُورًا فَاشِيًّا

Terjemahan: Al-Suyuti berkata; Pendapat yang paling sahih (*al-Ashah*) bahawa kurun (*al-qarn*) tidak ditentukan dengan tempoh tertentu. Sehubungan itu, kurun Rasulullah SAW adalah (termasuk kurun) sahabat r.a, iaitu tempohnya bermula daripada perutusan Baginda SAW hingga sahabat terakhir wafat pada tahun 120 Hijrah. Kurun Tabiin pula bermula daripada tahun 100 Hijrah hingga tahun 170 Hijrah. Manakala kurun Pengikut Tabiin berakhir hingga 210 Hijrah. Bermula daripada masa itu, merebak bidaah secara berleluasa.

Pada awal zaman Tabi'in, istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah telah direkodkan dan dikenali. Antaranya, mereka menafsirkan firman Allah SWT:

وَإِنِّي لَعَفَّارٌ لِمَنْ تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا ثُمَّ اهْتَدَى ۝ ٨٢

Terjemahan: Sesungguhnya Aku yang amat memberi ampun kepada orang-orang yang bertaubat serta beriman dan beramal soleh, kemudian dia tetap teguh menurut petunjuk yang diberikan kepadanya. (Taha: 82).

Ibn Kathir menukilkan (1999) dalam tafsirnya perkataan Sa'id bin Jubayr (W. 95 H), Mujahid bin Jabr (W. 101 H) dan al-Dahhak bin Muhazim (W. 102 H) berkaitan tafsiran firman Allah SWT (قُرْنٌ اهْتَدَى) ayat 82, surah Taha di atas dengan maksud;

اسْتِقَامَ عَلَى السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ

Terjemahan: Dia beristiqamah di atas Sunnah dan Jamaah

Tafsiran di atas secara jelas menunjukkan kebenaran *Ahl al-Sunnah* pada era Tabi'in telah dikaitkan dan dirujuk kepada jemaah daripada kalangan orang-orang yang alim. Manakala Imam Ahmad bin Hanbal (W. 241 H) juga menggunakan istilah *Ahl Sunnah*.

هَذِهِ مَذَاهِبُ أَهْلِ الْعِلْمِ وَأَصْحَابِ الْأَثَرِ وَأَهْلِ السُّنَّةِ الْمَتَمَسِّكِينَ بِعُرْوَتِهَا الْمَعْرُوفِينَ بِهَا الْمُتَّقِدِينَ بِهَا فِيهَا
 مِنْ لَدُنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى يَوْمِنَا هَذَا

Terjemahan: Inilah mazhab-mazhab ahli ilmu, ahli-ahli *athar* dan ahli sunnah yang berpegang teguh dengannya dan mereka diikuti sejak daripada sahabat-sahabat Rasulullah SAW hingga ke hari ini.

Pada peringkat awal ini, ia tidak dinisbahkan kepada individu tertentu secara menonjol disebabkan beberapa faktor semasa ketika itu. Antaranya, masih ramai ahli mujtahid mutlaq, zaman yang dijamin kebenarannya dan perkembangan mazhab-mazhab masih di peringkat permulaan. Pernyataan ini dapat dijelaskan melalui perkataan Imam Malik (W. 179 H);

أَهْلُ السُّنَّةِ الَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ لَقَبٌ يُعْرَفُونَ بِهِ لَا جَهْمِيٌّ وَلَا قَدْرِيٌّ وَلَا رَافِضِيٌّ

Terjemahan: Ahli Sunnah ialah orang-orang yang tiada gelaran baginya untuk mereka dikenali dengannya, (mereka) bukan Jahmiah, Qadariah dan Rafidah.

Pernyataan Imam Malik di atas menjelaskan ciri-ciri *Ahl Sunnah* pada zaman berkenaan dapat dikenali melalui maksud yang implisit, iaitu selain daripada kelompok Jahmiah, Qadariah dan Rafidah. Tiga kelompok tersebut adalah kecil dan terpencil serta mudah dikenali melalui penjenamaan khusus dengan istilah ahli bidaah. Sehubungan itu, perbincangan berkenaan siapakah yang dimaksudkan dengan *Ahl al-Sunnah* pada asasnya bertujuan untuk membezakan *Ahl al-Sunnah* daripada *Ahl al-Bid'ah* yang terdiri dalam kalangan Syiah, Khawarij, Qadariah, Muktazilah, Jabariah, Jahmiah dan pelbagai golongan lain yang sesat lagi menyesatkan. Agak malang, perkataan Imam Malik tersebut telah dimanipulasi oleh kelompok-kelompok tertentu yang mendakwa istilah *Ahl Sunnah* atau Ahli Sunnah Wal Jamaah bukan dinisbahkan kepada mazhab tertentu. Mereka mendakwa Imam Malik tidak memberikan nama khusus, sementara Islam ialah apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW, sahabat r.a dan salaf al-soleh, bukan dinisbahkan kepada imam-imam tertentu. Namun, jika diteliti dakwaan tersebut, terdapat dua kekeliruan yang perlu diperjelaskan.

- i. Penjenamaan imam-imam kepada mazhab-mazhab belum tersusun secara meluas ketika itu. Walau bagaimanapun Imam Malik telah menjelaskan jenis-

jenis aliran yang terkeluar daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah ketika itu dengan nama-nama tertentu seperti Syiah dan Qadariah.

- ii. Pernyataan Imam Malik sama sekali tidak menafikan keharusan Ahli Sunnah Wal Jamaah dinisbahkan mazhab-mazhab tertentu. Mendakwa Imam Malik mengharamkan mazhab adalah tafsiran yang diluar daripada konteks.

Oleh hal yang demikian, penisbahan aliran Asha'irah dan Maturidiah bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah disebabkan kedua-duanya bertentangan dengan aliran Jahmiah, Qadariah, Jabariah, Muktaizilah dan Syiah. Hal ini disebabkan, hanya aliran Asha'irah dan Maturidiah yang tercatat dalam sejarah yang sepanjang zaman mendepani golongan-golongan berkenaan. Antara lain, perkara yang perlu disedari dan dicermati ialah punca kewujudan setiap aliran. Contohnya Jahmiah dan Muktaizilah yang dipengaruhi oleh falsafah Yunani sejak seawal pembukaan Iraq pada zaman Saidina Abu Bakar r.a dan Saidina Umar r.a. Secara khususnya, Muktaizilah dicituskan oleh Wasil bin Ato' yang meninggalkan kumpulan Imam Hassan al Basri yang merupakan seorang Tabi'in. Lantas beliau mencetuskan satu cara faham yang baru, berbeza dengan apa yang diajarkan oleh gurunya. Manakala fahaman Khawarij dan Syiah yang berasal daripada konflik politik, akhirnya berkembang menjadi satu aliran khusus yang akhirnya membawa kepada penyelewengan terhadap hadis-hadis Nabi SAW. Punca tumbuhnya pemikiran songsang ini perlu diambil kira dalam mengamati mengapa keperluan untuk mengemukakan aliran yang absah yang benar-benar mengikut jalan Nabi SAW.

3.4 Zaman Khalaf

Secara umum, era Salaf berakhir pada tiga kurun pertama Hijrah atau dengan wafatnya Pengikut Tabi'in (*atba' al-Tabi'in*). Manakala Khalaf berasal daripada *khalfah* yang bermaksud pengganti atau yang datang selepasnya. Dari sudut istilah ialah suatu tempoh atau zaman yang bermula selepas tiga kurun pertama Hijrah hingga kurun ke-5 Hijrah (Nasron; 2023; Fadlan, 2021).

Ibn 'Asakir (2018) menukilkan perkataan al-Bayhaqi (W. 458 H) yang berpendapat istilah lengkap Ahli Sunnah Wal Jamaah mula terserlah setelah Abu al-Hassan al-Ash'ari meninggalkan aliran Muktaizilah;

فَإِذَا أَهْلُ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ مَوْجُودُونَ مَعْرُوفُونَ بِهَذَا اللَّقْبِ وَالْأَشْعَرِيِّ بَعْدَ أَنْ تَرَكَ الْاِعْتِرَالَ رَجَعَ إِلَى مَذْهَبِهِمْ

Terjemahan: Oleh yang demikian, Ahli Sunnah Wal Jamaah yang wujud dan terkenal dengan gelaran ini dan al-Ash'ari selepas beliau meninggalkan Muktaizilah dan kembali kepada mazhab mereka (Ahli Sunnah Wal Jamaah)

Ayyub al-Sukhtiyani (W. 131 H), Sufyan al-Thawri (W. 161 H) Ibn Jarir al-Tabari (W. 310 H) Abu Jaafar Ahmad bin Muhammad al-Tahawi (W. 321 H) antara ulama besar

yang memakai perkataan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai maksud bertentangan (*muqabil*) kepada lafaz ahli bidaah, dan mereka menyebutnya sebagai penjelasan kepada akidah yang sebenar (Ibn 'Asakir, 2018).

Kemudian, istilah tersebut menjadi popular apabila digunakan dengan meluas di akhir kurun ke-3 dan selepasnya seperti Ibn Hajar al-Asqalani (2008) dalam *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari* dan Ibn Battal (2003) dalam *Sharh Sahih al-Bukhari*. Al-Subki (1993) menyatakan dalam *Tabaqat al-Shafi'iyah al-Kubra*:

الشيخ أبو الحسن الأشعري البصري شيخ طريقة أهل السنة والجماعة وإمام المتكلمين وناصر سنة سيد المرسلين والذاب عن الدين والساعي في حفظ عقائد المسلمين سعياً يقي أثره إلى يوم يقوم الناس لرب العالمين

Terjemahan: Syeikh Abu al-Hasan al-Ash'ari al-Basri ialah guru bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah, imam kepada ahli kalam (akidah), penolong sunnah bagi Nabi Muhammad SAW dan kepada orang yang meninggalkan Islam, pendukung dalam memelihara akidah orang-orang Islam yang pengaruhnya akan kekal sehingga manusia mengadap Allah SWT (pada hari kiamat).

Oleh yang demikian, penisbahan Abu al-Hasan al-Ash'ari sebagai imam dan mazhab akidah bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah telah tersebar luas dan diterima secara konsisten oleh ulama sepanjang zaman. Pada Zaman Khalaf, polemik perselisihan aliran di kalangan umat Islam semakin berkembang, dan dijadikan modal kumpulan-kumpulan tertentu yang berkepentingan untuk mendakwa mereka juga mengikut ajaran Baginda Nabi SAW. Antaranya kemunculan ajaran-ajaran sesat yang bersandar kepada konsep Tasawwuf yang disulam secara falsafah. Akhirnya mengembangkan ajaran-ajaran Batiniyyah, seperti ajaran Mahyuddin Ibn Arabi, al-Hallaj dan sebagainya. Bahkan sebahagiannya lahir di kalangan pengikut-pengikut Syiah itu sendiri. Dalam penentuan status keabsahan ajaran mereka, diperselisihkan dalam kalangan ulama, ada yang menolak dan ada yang menerima. Contohnya tentang konsep wehdatul wujud, martabat tujuh dan banyak lagi. Kesamaran ini dinilai oleh para ulama dengan neraca Ahli Sunnah Wal Jamaah.

4. Ciri-Ciri Ahli Sunnah Wal Jamaah

4.1 Ciri Utama Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah

Perdebatan akan berlanjutan sepanjang zaman dalam perebutan gelaran satu golongan yang terselamat daripada api neraka daripada tujuh puluh tiga golongan umat Muhammad SAW. Al-Shatibi (1992) menjelaskan ciri-ciri yang khusus bagi satu golongan yang terselamat itu adalah golongan yang bergabung tiga ciri berikut;

- i. Berdasarkan manhaj Rasulullah SAW dan sahabat r.a yang disebut juga sebagai *Ahl al-Sunnah* seperti mana menonjol penggunaannya pada peringkat awal salaful soleh. Ibn Umar r.a meriwayatkan daripada Rasulullah SAW:

وَإِنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ تَفَرَّقَتْ عَلَى ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ مِائَةً وَتَفَتَّرَتْ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِائَةً كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِائَةً وَاحِدَةً قَالُوا وَمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي

Terjemahan: Sesungguhnya bani Israil berpecah kepada tujuh puluh dua golongan. Umatku berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan, semuanya masuk neraka kecuali satu (golongan). Sahabat bertanya; siapakah golongan itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab; (golongan) yang mengikuti jalanku dan sahabatku.

[Al-Tamidhi, hadis no. 2641; al-Tabarani, hadis no. 62. Hadis hasan]

- ii. Satu golongan yang terikat dalam satu *al-Jama'ah* sebagaimana Anas bin Malik r.a meriwayatkan daripada Rasulullah SAW.

وَإِنَّ هَذِهِ الْأُمَّةَ سَتَفَتَّرُ عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِائَةً يَغْنِي الْأَهْوَاءَ كُلَّهَا فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةً وَهِيَ الْجَمَاعَةُ

Terjemahan: Sesungguhnya umat ini akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan (mengikut hawa nafsu), semuanya di dalam neraka kecuali satu (golongan), iaitu *al-Jama'ah*.

[Sunan Ibn Majah: 3993. Perawi thiqah dan sanad sahih Ibn Battal (2003) dan al- 'Ayni (2009) memberikan maksud *al-Jama'ah* adalah khusus kepada ulama yang dijadikan pedoman dan hujah;

الجماعة التي أمر النبي صلى الله عليه وسلم بلزومها هي جماعة أئمة العلماء ، وذلك أن الله جعلهم حجة على خلقه ، وإليهم تفرع العامة في دينها ، وهي تبع لها

Terjemahan: Jemaah yang Nabi SAW perintah mengikutinya, iaitu jemaah ulama yang ramai. Hal yang demikian disebabkan Allah

SWT menjadikan mereka sebagai hujah bagi makhluknya, dihormati oleh masyarakat dan diikuti.

- iii. Golongan *al-Sawad al-A'zam* (السَّوَادِ الْأَعْظَم) sebagaimana Anas bin Malik r.a meriwayatkan daripada Rasulullah SAW;

إِنَّ أُمَّتِي لَا يَجْتَمِعُ عَلَى ضَلَالَةٍ فَإِذَا رَأَيْتُمْ اخْتِلَافًا فَعَلَيْكُمْ بِالسَّوَادِ الْأَعْظَمِ

Terjemahan: Sesungguhnya umatku tidak bersepakat dalam kesesatan. Jika kamu melihat perpecahan, maka kamu beriltizam dengan kumpulan terbanyak (*al-Sawad al-A'zam*)

[Ibn Majah, hadis no. 3950. Hadis daif]

Agak menarik perkataan al-Shatibi (1992) dalam *al-I'tisam* yang menukilkan kekeliruan orang jahil terhadap maksud *al-Sawad al-A'zam*. Beliau merekodkan;

قال إسحاق لو سألت الجهال عن السواد الأعظم لقالوا جماعة الناس، ولا يعلمون أن الجماعة عالم متمسك بأثر النبي صلى الله عليه وسلم وطريقه، فمن كان معه وتبعه فهو الجماعة

Terjemahan: Ishaq berkata: Jika engkau bertanya kepada orang jahil tentang *al-Sawad al-A'zam*, nescaya mereka menjawab; kumpulan manusia. Pada hal, mereka tidak mengetahui bahawa (maksud) jamaah ialah orang yang alim yang berpegang dengan hadis Nabi SAW dan jalannya. Maka sesiapa yang bersamanya dan mengikutinya adalah jamaah.

Ahli-ahli hadis seperti al-Munawi (1994) al-Amir (2011) menegaskan hadis di atas adalah pedoman Rasulullah SAW (الإرشاد) agar beriltizam dengan jemaah atau *al-Sawad al-A'zam*. Manakala Ibn al-Malak (W. 854 H) dalam *Sharh al-Masabih al-Sunnah li al-Imam al-Baghawi* (2012) menjelaskan ciri-ciri bagi *al-Sawad al-A'zam* ialah jumlah yang ramai daripada golongan yang patuh kepada kerajaan Islam dan kalangan ulama. Al-Sanadi dalam *Hashiyah al-Sanadi 'ala Sunan Ibn Majah* (T.th) menukilkan;

بِالْجَمَاعَةِ الْكَثِيرَةِ فَإِنَّ اتِّفَاقَهُمْ أَقْرَبُ إِلَى الْإِجْمَاعِ قَالَ السُّيُوطِيُّ فِي تَفْسِيرِ السَّوَادِ الْأَعْظَمِ أَيَّ جَمَاعَةِ النَّاسِ وَمُعْظَمَهُمُ الَّذِينَ يَجْتَمِعُونَ عَلَى سُلُوكِ الْمَنْهَجِ الْمُسْتَقِيمِ

Terjemahan: iaitu jemaah yang terbanyak. Ini kerana kesepakatan mereka lebih dekat kepada ijmak. Imam al-Suyuti berkata dalam tafsirnya (maksud) *al-Sawad al-A'zam* ialah kebanyakan ulama yang mereka bersatu (berpakat) di atas manhaj yang lurus.

Sehubungan itu, Ibn al-Fars al-Andalusi (2006) menegaskan;

فذهبت جماعة إلى لزوم السواد الأعظم ورأوا أنه الحق الواجب والفرض الثابت وأن من خالفهم فهم الفئة الباغية.

Terjemahan: Jumhur berpendapat bahawa wajib mengikuti ulama paling ramai. Mereka berpendapat bahawa ia adalah suatu haq yang wajib dan kefarduan yang sabit. Sesiapa yang menyalahi mereka (ulama teramai) maka mereka kelompok yang melampau (daripada kesatuan umat Islam)

Imam al-Shatibi (1992) pernah menyenaraikan perselisihan ini di dalam kitabnya *al-I'tisam* bahawa terdapat lima penafsiran ulama terhadap istilah "jamaah" dalam hadis Nabi SAW sebagaimana berikut;

- i. Jamaah bermaksud orang Islam berdasarkan pandangan Imam al-Maturidi di dalam tafsirnya, *Ta'wilat Ahl al-Sunnah*, dan istilah ini diguna pakai oleh beberapa orang ulama lagi
- ii. Jamaah bermaksud sekumpulan besar orang Islam berdasarkan pandangan yang kuat di dalam kitabnya *Qam' al-Dajjilah*.
- iii. Jamaah bermaksud kumpulan ulama yang berijtihad, berdasarkan pandangan Imam Shafie dalam kitab *al-Risalah* dan *al-Umm* dan istilah ini diguna pakai oleh beberapa orang ulama lagi.
- iv. Jamaah bermaksud sekumpulan muslimin di bawah seorang pemimpin dan pandangan ini terpecah kepada dua pendapat seperti di bawah,
 - a. Di bawah seorang pimpinan yang umum atau tidak dikhususkan kepada sesiapa, berdasarkan pandangan Ibn Taimiyah dalam *Majmu' al-Fatawa*.
 - b. Di bawah pimpinan khalifah secara khusus, berdasarkan pandangan Abu Ashbal dalam *Sharh al-Ibanah*
- v. Jamaah bermaksud para sahabat r.a berdasarkan pandangan Umar bin 'Abd Aziz dan beberapa orang lagi

Ibn al-Hajar al-Asqolani dalam kitab *Fath al-Bari* memilih pandangan yang menafsirkan jamaah sebagai sekumpulan muslimin di bawah seorang pemimpin dan dalam masa yang sama, beliau tidak menolak penafsiran-penafsiran lain. Perkara ini juga disimpulkan oleh Imam al-Shatibi dalam kitabnya *al-I'tisam* bahawa kelima-lima pandangan ini adalah benar.

Zulkifli al-Bakri (2014) pula menyimpulkan pendapat-pendapat ulama mengenai *al-Jama'ah* yang merujuk kepada beberapa maksud di bawah;

- i. Golongan majoriti umat Islam yang terdiri daripada imam mujtahid, ulama dan ahli syariah dan umat yang mengikuti mereka.
- ii. Kumpulan para ulama mujtahid.
- iii. Para sahabat r.a.
- iv. Umat Islam yang bersepakat atau berijmak atas sesuatu perkara. Ia juga kembali kepada golongan pertama atau kedua di atas.
- v. Umat Islam yang bersatu dalam mentaati seorang pemimpin.

Natijah daripada kelebihan *al-Jama'ah* juga dinisbahkan kedua dua nama, iaitu golongan yang selamat (الْفِرْقَةُ النَّاجِيَّة) daripada kesesatan, azab atau api neraka atau golongan mendapat pertolongan dan kemenangan (الْفِرْقَةُ الْمَنْصُورَة) kerana sentiasa di bawah jaminan Allah SWT sepanjang masa (al-Baghdadi, 1977).

Berdasarkan petunjuk ciri-ciri di atas, umat Islam diperintah berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah dan sumber ijmak. Namun, jika ijmak tidak tersimpul kerana berlaku perselisihan pendapat dalam kalangan ulama mujtahidin atau ulama muktabar, maka kita diperintahkan untuk berpegang kepada pendapat majoriti ulama mujtahidin (*al-Sawad al-A'zam*) dan jangan mengikuti kelompok ahli bidaah, kelompok pelampau atau kelompok *syaz*. Maksud *syaz* ialah bersendirian, menyimpang atau janggal. Istilah *syaz* ialah pendapat seorang kepercayaan (thiqah) menyalahi pendapat orang lebih tinggi kepercayaannya. Istilah ini digunakan dalam ilmu hadis, qiraat dan fiqh bagi menunjukkan pendapat yang sangat lemah dan tidak layak dijadikan hujah (al-Dahlawi, 1986; Irsyad Al-Hadith Siri Ke-133, 2016; Mohamad Redha et al, 2018).

Berdasarkan ciri-ciri tersebut, kelompok Jabariah, Qadariah, Muktaizilah, Murji'ah dan Syiah tidak termasuk Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana menolak Ijmak (kesepakatan ulama) sebagai sumber hukum. Kelompok-kelompok ini terpencil daripada majoriti umat Islam sepanjang sejarah Islam. Pada zaman ini pula muncul pelabagi aliran yang menyalahi manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti anti mazhab atau pendapat-pendapat yang menyalahi ijmak. Ibn Umar r.a meriwayatkan daripada Rasulullah SAW:

فَاتَّبِعُوا السَّوَادَ الْأَعْظَمَ فَإِنَّهُ مِنْ شَدِّ شَدِّ فِي النَّارِ

Terjemahan: Kamu beriltizam dengan golongan terbanyak mujtahidin (*al-Sawad al-A'zam*), sesungguhnya sesiapa yang *syaz*, dia akan menyimpang ke neraka.

[Al-Hakim, hadis no. 391. Suhaib 'Abd al-Jabbar (2014) dalam *al-Jami' al-Sahih* berpendapat hadis daif dengan sanad thiqah]

Anas bin Malik r.a juga meriwayatkan daripada Rasulullah SAW:

كُلُّهَا فِي النَّارِ إِلَّا السَّوَادَ الْأَعْظَمَ

Terjemahan: Semuanya dalam neraka kecuali *al-Sawad al-A'zam*


[Al-Bayhaqi, hadis no. 16560; al-Tabarani, hadis no. 7962. Al-Arna'uth berpendapat sanad hasan]

Berdasarkan catatan sejarah muhtabar pada sepanjang zaman umat Islam di seluruh dunia bahawa majoriti ulama sama ada *al-muhaddithin*, *al-mufassirin*, *al-fuqaha'* atau *al-qurra'* adalah konsisten dengan mazhab tertentu dari sudut akidah berdasarkan manhaj Asha'irah atau Maturidiah, bidang fiqh berdasarkan manhaj mazhab empat yang muhtabar, bidang tawasuf menurut manhaj Junaid al-Baghdadi dan al-Ghazali dan bidang al-Quran berdasarkan qiraat sepuluh. Tidak dinafikan muncul di celah-celah perjalanan zaman umat Islam tersebut kelompok-kelompok kecil dan ganjil seperti fahaman Jahmaiah, Muhtazilah dan Syiah, tetapi kelompok-kelompok tersebut tenggelam dengan dominasi Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Dalam situasi perselisihan aliran-aliran selain Ahli Sunnah Wal Jamaah, tidak dibenarkan mengkafirkan mereka secara semberono. Di sini, Ahli Sunnah Wal Jamaah berpegang dengan kesederhanaan. Di sana wujudnya kolaborasi ilmiah di kalangan ilmuan Islam. Masing-masing memanfaatkan keilmuan sekalipun berlainan mazhab. Contohnya, al-Qasimi (1979) menyebut dalam *Mizan al-Jarh wa al-Ta'dil* bahawa Imam al-Bukhari dan Imam Muslim mengambil hadis yang diriwayatkan oleh Syiah, Muhtazilah dan lain-lain. Antara lain kitab *Subul al-Salam*, yang dikarang oleh ulama beraliran Syiah, diguna pakai oleh ulama fiqh di kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Termasuk juga kitab *Tafsir al-Kasyaf* yang dikarang oleh Imam al-Zamakhshari seorang Muhtazilah, turut dijadikan rujukan oleh ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kesederhanaan dan meraikan perbezaan walaupun berlainan aliran, termasuk juga menjaga kesatuan Islam merupakan asas yang kukuh di sisi Ahlus Sunnah wal Jamaah dalam meraikan perbezaan pendapat di kalangan umat Islam.

4. Ahli Sunnah Wal Jamaah Dikhususkan kepada Mazhab Akidah yang Muhtabar

Abdullah Jalil (2024) merumuskan terminologi Ahli Sunnah Wal Jamaah berdasarkan kajian yang menggunakan kaedah *istiqrā'* oleh para ulama ASWJ dalam kitab-kitab dan penulisan melalui tiga pendekatan dan peringkat, iaitu;



(Sumber: Abdullah Jalil, 2024)

Pemakaian istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dulunya bermula dalam bentuk umum, kemudiannya menjadi lebih khusus sejajar dengan perkembangan disiplin pengajian Islam. Zayn al- 'Abidin (T.th) dalam kitab *'Aqidah al-Najin* yang menjelaskan bahawa istilah *Ahl al-Sunnah* adalah umum yang sebenarnya termasuk daripada kalangan mazhab *Ahl al-Salaf* dan mazhab Khalaf. Hal ini disebabkan pengertian yang bersifat lebih umum yang merujuk kepada ulama Salaf, ia turut memasukkan para ulama Khalaf yang muktabar sebagai *Ahl al-Sunnah* yang sebenar. Sebagai contoh al-Nadwah (2000) dan al-Athari (2002) mengemukakan istilah Ahli Sunnah wal Jamaah yang bersifat umum, iaitu;

هم الفرقة الناجية والطائفة المنصورة الذين أخبر النبي صلى الله عليه وسلم بأنهم يسرون على طريقته وأصحابه الكرام دون انحراف فهم أهل الإسلام المتبعون للكتاب والسنة المجانبون لطرق أهل الضلال

Terjemahan: Mereka ialah golongan yang berjaya, kumpulan yang mendapat pertolongan yang Nabi SAW khabarkan bahawa mereka menjalani jalan Baginda dan para sahabat Baginda tanpa menyeleweng daripada kefahaman ahli Islam. Mereka berpegang dengan al-Quran dan sunnah yang jauh dari jalan-jalan ahli yang sesat

Jabatan Mufti Negeri Perlis (1970) memberikan maksud;

"Pengertian Sunnah ialah Sunnah Rasulullah s.a.w., pengertian Jemaah ialah kumpulan Sahabat dan Tabien yang bersepakat di atas kebenaran yang nyata dari Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Pengertian Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah kumpulan orang Islam yang berpegang kepada al-Quran, al-Sunnah dan pendapat para Sahabat yang bersepakat di atas kebenaran yang nyata dari Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah s.a.w."

Istilah-istilah seperti di atas adalah umum dan masih longgar disebabkan terkait dengan dua kelonggaran. Pertama, sukar dijadikan rujukan muftamad, khususnya kepada orang awam murni. Lazimnya, masyarakat lebih mudah mengenali berdasarkan penjenamaan kelompok berbanding pengelasan ciri-ciri. Kedua, membuka ruang bagi mana-mana kelompok untuk menisbarkannya menurut kesesuaian alirannya. Semua pihak mendakwa mereka paling dekat dengan al-Quran dan sunnah. Hal ini menjadi punca kekeliruan dan penyalahgunaan istilah yang benar kepada tempat yang salah. Jawapan kepada dakwaan dan perebutan istilah ini ialah apakah manhaj yang sahih dalam memahami al-Quran dan sunnah. Maka tentunya ia lebih mantap dan konsisten dengan merujuk kepada mazhab yang muftabar, iaitulah mazhab Asha'irah dan Maturidiah dalam bidang akidah.

Oleh yang demikian, pendekatan yang lebih praktikal diambil oleh ulama adalah mengkhususkan maksud Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada manhaj-manhaj yang khusus atau juga mazhab-mazhab tertentu. Imam al-Baghdadi (W. 429 H) dalam *al-Farq bain al-Firqah wa Bayan al-Firqah al-Najiyah* (1977) menamakan ulama dan pengikutnya:

أهل السنة والجماعة من فريقَي الرأي والحديث دون من يشتري هو الحديث وفقهاء هذين الفريقين
وقرأهم ومحدثوهم ومتكلموهم وقد دخل في هذه الجملة جمهور الأمة وسوادها الأعظم من
أصحاب مالك والشافعي وأبي حنيفة والأوزاعي والثوري وأهل الظاهر

Terjemahan: Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada dua aliran (ahli hadis); aliran *ra'yi* dan hadis yang dipercayai dan fuqaha (mujtahidin). Kedua-dua golongan ini, ahli *qurra'*, ahli hadis dan ahli mutakalim (ilmu kalam) dalam kalangan mereka.... sesungguhnya golongan-golongan ini termasuk dalam jumhur umat Islam, *al-Sawad al-A'zam* daripada ulama mazhab Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Imam Abu Hanifah, Imam al-Awza'i, Imam al-Thawri dan ahli Zahir.

Umumnya, al-Baghdadi telah menjelaskan siapakah dan apakah manhaj bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah secara khusus, iaitu ahli hadis (*al-hadith dan al-ra'yi*), mujtahidin, ahli syariah (mazhab muftabar), ahli al-Quran (*qurra'* muftabar), ahli usuluddin (mazhab ilmu kalam), yang menunjukkan semua mereka ini tergolong dalam jumhur umat Islam yang disebut *al-Sawad al-A'zam* yang mengikuti mazhab-mazhab seperti mazhab Shafie, Hanafi dan al-Thawri. Mereka bersatu pada usul akidah, tetapi saling meraikan perselisihan pendapat-pendapat dalam perkara-perkara furuk tanpa saling menyesatkan dan saling memfasikkan. Mereka tidak sekali-kali mencampur-aduk antara keimanan dengan bidaah atau hawa nafsu daripada fahaman-fahaman ahli bidaah seperti Rafidah, Khawarij dan Qadariyah.

Lanjutan daripada itu, kebanyakan ulama Khalaf, khusus pada kurun ke-6 menisbahkan Ahli Sunnah Wal Jamaah secara spesifik berdasarkan manhaj mazhab-mazhab tertentu selaras dengan perkembangan ilmu Islam dan amalan umat Islam di

dunia bagi menangkis aliran-aliran kiri yang menyimpang dan membahayakan. Al-Marizi (W. 536 H) dalam *al-Mu'lim bi Fawa'id Muslim* (2021) menyatakan:

وأهل الحق هم الأشاعرة والماتريدية في أصول الدين، وأصحاب الأئمة الفقهاء من مالكية وحنفية وشافعية وحنابلة وغيرهم من أئمة الحديث في الفروع، وفي التصوف طريقة الحنيد السالك

Terjemahan: Ahli hak ialah mereka beraliran Asha'irah dan Maturidiah dalam usuluddin dan para fuqaha mujtahidin dalam kalangan ulama mazhab Maliki, Hanafi, Shafie dan Hanbali dan selain mereka daripada ulama hadis dalam furuk (fiqh) dan dalam bidang tasawuf ialah jalan yang ditunjuki oleh Imam al-Junayd.

Pengkhususan Asha'irah dan Maturidiah terus konsisten tanpa kritikan dan pertikaian pada abad-abad seterusnya. Sangatlah masyhur ungkapan Ibn 'Abidin al-Hanafi (W. 1252 H) dalam kitab *Radd al-Mukhtar* (1992) dan al-Murtadha al-Zabidi al-Shafi 'i (W. 1205 H) dalam kitab *Ittihaf al-Sadah al-Muttaqin* (2005):

إذا أطلق: أهل السنة والجماعة فالمراد بهم الأشاعرة والماتريدية

Terjemahan: Apabila diungkapkan Ahli Sunnah Wal Jamaah, maka maksudnya ialah mereka (bermazhab akidah) Asha'irah dan Maturidiah.

Bermula pada kurun ke-5 lagi ciri-ciri khusus Ahli Sunnah Wal Jamaah terserlah dengan penisbahan kepada mazhab-mazhab muktabar. Penisbahan tersebut suatu kaedah khusus bagi mengenal pasti golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Menurut al-Baghdadi (W. 429 H), Ahli Sunnah Wal Jamaah terbahagi kepada lapan golongan, iaitu para ulama yang pakar dalam bidang akidah dan fiqh, iaitu ulama mujtahid sama ada aliran *al-Ra'y* mahupun aliran *al-Hadith*. Mereka terdiri daripada ahli-ahli hadis, ahli-ahli bahasa Arab, ahli-ahli tafsir, ahli qiraat, ahli-ahli Sufi yang bermazhab *tafwid* dan menafikan *tashbih*, para tentera Islam yang mengamalkan mazhab-mazhab Ahli Sunnah Wal al-Jamaah dan semua masyarakat awam di negara-negara yang terserlah di dalamnya syiar *Ahl al-Sunnah*. Menurut al-Baghdadi lagi, lapan golongan di atas adalah mengikut akidah para ulama *mutakallimin* yang meng~~ith~~batkan sifat-sifat Allah SWT tanpa *tashbih* (menyerupakan) dan tanpa *ta'til* (menafikan) serta berlepas diri daripada akidah semua golongan ahli bidaah (al-Baghdadi, 1977).

Ibn Abi al-'Izz (W. 792 H) pula mengisyaratkan bahawa Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah terdiri dalam kalangan Salaf dan Khalaf (Ibn Abi al-'Izz, 2014). Manakala al-Zabydi (W. 1205 H) pula membahagikan Ahli Sunnah Wal al-Jamaah kepada tiga iaitu ahli hadis, Asha'irah dan Maturidiah. Golongan ahli hadis dinisbahkan kepada ulama Salaf yang diketuai oleh Imam Ahmad bin Hanbal (164-241 H). Sementara Asha'irah dan Maturidiah pula masing-masingnya dinisbahkan kepada Abu al-Hasan al-Ash'ari (W. 324 H) dan Abu Mansur al-Maturidi (W. 333 H) (al-Zabydi, 2005)

Menurut al-Kawthari (W. 1971 M), ulama Asha'irah adalah terdiri dalam kalangan semua ulama bermazhab Malik, tiga perempat ulama bermazhab Shafie, satu

pertiga ulama bermazhab Hanafi dan sebilangan ulama bermazhab Hanabali. Manakala ulama Maturidiah pula terdiri daripada dua pertiga ulama bermazhab Hanafi kecuali sebilangan daripada mereka yang berfahaman muktazilah. Manakala ahli hadis pula hanya terdiri daripada ulama bermazhab Hanafi kecuali sebilangan daripada mereka yang berfahaman Muktazilah dan Hashawiah. Antara ulama Hanafi yang tergolong dalam kalangan Asha'irah ialah Ibn 'Aqil (W. 510 H) dan Ibn al-Jawzi (W. 597 H) (al-Mawjan, 2006). Wan Zahidi (2022) menukikan penelitian Dr. Tariq al-Suwaid dalam kitab tarikhnya bahawa Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada Ash'ariah dan Maturidiah membentuk 95 peratus daripada keseluruhan umat Islam. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan pendapat Syeikh 'Ali Juma'ah, mantan Mufti Mesir yang menyatakan hanya 5 peratus kelompok yang mendukung fahaman syaz.

Istilah yang khusus ini telah padu dan bersebuti dalam fahaman dan amalan masyarakat Islam Nusantara sejak Islam di bawa ke rantau ini pada abad ke-4 H sehingga tidak diketahui dalam catatan selain mazhab Ash'ariah dan Maturidiah. Buya Hamka berkata:

“Orang yang mengikuti sunnah SAW dan para ulama mujtahid yang mengeluarkan pendapat yang bebas hasil ijtihadnya. Orang-orang yang menganut mazhab Syafii, Hanafi, Maliki dan Hanbali di dalam soal furuk ialah golongan Ahli Sunnah wal Jamaah. Sedangkan Syiah, Khawarij dan Muktazilah tidak termasuk di dalamnya. Demikian juga pendukung-pendukung bidaah yang menambah, apatah lagi mengurangi ajaran Nabi Muhammad SAW, tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah wal Jamaah. Di dalam ilmu kalam, mazhab al-Asy'ari dan al-Maturudi ialah Ahli Sunnah wal Jamaah” (Engku Ahmad Zaki, 2007)

Istilah-istilah yang spesifik di atas lebih jelas untuk difahami, dipegang dan diamalkan tanpa syak. Hafizah (2004) menjelaskan sebab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah dihubungkan pada aliran tauhid Asha'irah dan Maturidiah adalah kerana mereka berpegang pada Sunnah Nabi SAW dan merupakan golongan majoriti dalam masyarakat Islam. Hasyim al-Asy'ari (2015), Ketua Nahdatul Ulama, Indonesia menggambarkan penganan turun-temurun masyarakat Melayu:

وكانوا مسلمي الأقطار الجاوية في الأزمان السالفة الخالية منتقي الآراء والمذهب، متحدي المأخذ والمشرب، كلهم في الفقه علي مذهب الإمام محمد بن إدريس، وفي أصول الدين على الإمام أبي الحسن الأشعري، وفي التصوف على مذهب الإمام الغزالي وأبي الحسن الشاذلي رضي الله عنهم أجمعين

Terjemahan: Umat Islam di pelusuk tanah Melayu pada zaman terdahulu yang sunyi (daripada unsur sesat) adalah murni (aman) dengan pelbagai pendapat dan satu mazhab, bersatu pada tempat pengambilan dan pemetikan (hukum). Mereka semua beramal dengan fiqh bermazhab Imam Muhammad bin Idris (Shafie), dalam usuluddin bermazhab Abu al-Hasan al-Ash'ari dan dalam tasawuf bermazhab Imam al-Ghazali dan Abu al-Hasan al-Shathuli. Moga Allah meredai mereka semua.

Pegangan dan perjalanan umat ini terus bergerak di atas landasan kebenaran yang dipertahankan sepanjang zaman seperti penegasan resolusi Mukhtamar Grozny, Chehnya, 24 Zulkaedah 1437 H / 27 Ogos 2016 M;

أهل السنة والجماعة هم الأشاعرة والماتريدية في الاعتقاد، "ومنهم أهل الحديث المفوضة" في الاعتقاد، وأهل المذاهب الاربعة : الحنفية والمالكية والشافعية والحنابلة في الفقه، وأهل التصوف الصافي علما وأخلاقا وتركيبية على طريقة سيد الطائفة الإمام الجنيد ومن سار على نهجه من أئمة الهدى، وهو المنهج الذي يحترم دوائر العلوم الخادمة للوحي، ويكشف بحق عن معالم هذا الدين ومقاصده في حفظ الأنفس والعقول، وحفظ الدين من تحريفه والعبث به، وحفظ الأموال والأعراض، وحفظ منظومة الأخلاق الرفيعة

Terjemahan: Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah Asha 'irah dan Maturidiah "di antaranya para ahli hadis yang berkeyakinan *tafwid* pada ayat-ayat *mutashabihat* dalam akidah, para ahli bagi empat mazhab Hanafi, Maliki, Shafie dan Hanbali dalam fiqh, serta para ahli tasawuf yang murni ilmu dan akhlak, sesuai dengan manhaj Imam Junayd dan para ulama yang meniti jalannya. Demikian itu adalah manhaj yang menghargai seluruh ilmu yang berkhidmat kepada wahyu (al-Quran dan al-Sunnah), yang telah benar-benar menyingkap ajaran-ajaran agama ini dan tujuan-tujuannya dalam menjaga jiwa-jiwa dan akal-akal, menjaga agama dari penyelewengan (distorsi) dan penyimpangan oleh tangan-tangan jahil, menjaga harta-harta dan kehormatan-kehormatan manusia, serta menjaga akhlak yang mulia.

Setengah pihak mengkritik resolusi Mukhtamar di atas yang dilihat berkaitan dengan percaturan Barat yang ingin memanipulasi perselisihan mazhab di kalangan Islam, sebagai senjata untuk memecahbelahkan umatnya. Ia susulan persidangan ini tidak menjemput perwakilan daripada ilmuwan Arab Saudi untuk hadir dalam persidangan tersebut (Arab Weekly, 2016).

Walau bagaimanapun berdasarkan ciri-ciri yang spesifik daripada resolusi Mukhtamar Grozny di atas, pengecaman dan pengelasan lebih mudah dilakukan. Banyak kelompok yang terkeluar daripada istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah, termasuklah Khawarij, Mukhtazilah, Hashawiah, *Mushabbihah*, Jahmiah dan Syiah. Begitu juga kelompok aliran anti mazhab (*Al-Allamadhhabiyah*) disebabkan tidak menepati manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berpegangan kepada manhaj mazhab yang mukhtabar. Tidak dapat disangkal bahawa akidah Asha'irah dan Maturidiah adalah ajaran akidah yang sudah lama bertapak di Nusantara dan masih sesuai diikuti oleh majoriti umat Islam, sama ada kepada para pemerintah mahupun rakyat jelata, sama ada para alim ulama mahupun orang awam. Bahkan ia adalah pegangan umat Islam di Indonesia, Thailand, India, Pakistan, Mesir, Syam, Moroko, Tunisia, Algeria, China,

Eropah, dan Negara Teluk dan lain-lain. Manakala di Malaysia, mazhab Asha'irah dan Maturidiah diperundangkan secara rasmi dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam di negeri-negeri. Apa yang jelas, dua belas negeri memperuntukkan secara harfiah mazhab Asha'irah dan Maturidiah bagi pegangan bab akidah. (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2016; Luqman Abdullah, 2022; Abdullah Jalil, 2024, al-Akiti, 2019). Kedudukan ini diperkukuhkan dengan wasiat Syeikh Abdullah Fahim bin Syeikh Ibrahim (1869-1961M):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ، (أَمَّا بَعْدُ):

“Tuan-tuan sedia maklum beratus-ratus tahun bahawa orang bangsa Melayu seMalaya ini dari peringkat ke bawah hingga ke peringkat ke atas, awam-awam, qadi-qadi, ulama-ulama, menteri-menteri hingga raja-raja sekalian mereka itu bermazhab dengan mazhab al-Imam al-Shafi'i (secara) ijmak, tiada seorang pun yang bermazhab lain daripada mazhab al-Shafi'i (يَخْرُجُ خَرْقُ الْإِجْمَاعِ) “haram hukumnya mencarik/ merobek ijmak”. Ambil mereka itu hukum-hukum fiqh Shafie daripada kitab *Tuhfah* dan kitab *Nihayah* hingga kitab *al-Umm* dan *mukhtasarnya* dan terjemahnya kepada bahasa Melayu seperti *Sabil al-Muhtadin*, *Bughyat al-Tullab* dan *Matla' al-Badrayn* dan lainnya. Usuluddin atas perjalanan Abu al-Hasan al-Ash'ari, diambilkan daripada *Shuruh* dan *hawashi Umm al-Barahin* dan *Jawharah* dan sebagainya daripada kitab-kitab Melayu. Ilmu Tasawuf atas perjalanan al-Imam al-Ghazali, diambilkan daripada *Minhaj al-Abidin*, *Ihya' Ulum al-Din* dan terjemahnya kepada Melayu seperti *Siyar/Sayr al-Salikin*. Maka ini kitab-kitab dan seumpamanya segala hukum dalamnya kesemua *mustanbat* daripada al-Quran dan hadis yang dihalusi dan ditapis oleh ulama *ajilla'* (ulama yang cemerlang lagi terbilang), diamal dengan dia sudah lebih daripada seribu (1000) tahun dan diterjemah kepada bahasa Melayu beratus-ratus tahun.”

Al-Akiti (2019) mengupas tiga asas utama yang membentuk identiti Ahli Sunnah dari hujung Barat ke hujung Timur, termasuk di Malaysia. Tiga asas tersebut adalah hadis Jibril; asas akidah yang difahami melalui soalan iman, asas fiqh atau syariat yang difahami melalui soalan Islam, dan asas tasawuf atau tarekat yang difahami melalui soalan ihsan. Kemudian, setiap satu dari ketiga-tiga asas ini mempunyai tokoh-tokoh yang merupakan tonggak dalam bidang tersebut. Bidang akidah adalah Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari dan Imam Abu al-Mansur al-Maturidi, tonggak dalam bidang fiqh ialah Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Shafie dan Imam Ahmad. Manakala dalam bidang tasawuf pula Imam al-Junayd dan al-Ghazālī tidak lain tidak bukan adalah penerus mazhab Imam al-Junayd seperti yang akan dijelaskan dalam kajian ini. Seruan Sheikh Haji Abdullah Fahim di atas adalah sebahagian daripada perjuangan beliau menyeru orang Melayu berpegang teguh dengan semangat perpaduan ummah dan bersatu padu dalam satu kesatuan bangsanya. Orang Melayu perlu menjauhkan diri daripada golongan yang mengeluarkan hukum-hakam yang tidak selari dengan mazhab

Shafie dan terkeluar daripada mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Perselisihan pendapat mengenai sesuatu perkara atau permasalahan agama hendaklah melalui jalan perdamaian dan kembali bersatu agar keretakan yang kecil tidak menjadi perpecahan, yang besar serta memudaratkan kesatuan agama serta bangsa (YADIM, 2016). Di samping itu, pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah ialah kewajipan menjaga agama dengan memelihara kuasa politik Islam agar tidak jatuh ke tangan orang kafir. Perkara ini ditekankan oleh Sheikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani di dalam *kitab Faridatul Fara'id* yang menjadi silibus tradisi masyarakat Melayu Islam di Malaysia.

Seminar-seminar peringkat kebangsaan dan negeri-negeri dalam Malaysia mengemukakan kenyataan yang terbuka mempertahankan akidah Asha'irah dan Maturidiah di Malaysia (Abdullah Jalil, 2024). Contohnya, MyMetro (2024) memetik dua kesimpulan utama bagi Seminar Antarabangsa Ahli Sunnah Wal Jamaah: Manhaj Akidah Majoriti Ahli Hadis 2023 (ASWAJA 2023) di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), iaitu:

- i. Ahli Sunah Wal Jamaah adalah aliran majoriti dan paling dominan dalam sejarah umat Islam yang mengikuti sunnah Nabi SAW dan jemaah para sahabat Baginda (*ma ana 'alaihi wa ashabi*). Manhaj ini dirumuskan dan dikembangkan oleh generasi seterusnya di kalangan Salaf dan Khalaf yang secara khususnya terdiri daripada tiga golongan utama, iaitu: pertama, Asha'irah; kedua, Maturidiah; ketiga, *Ahl al-Hadith al-Mufawwidah* (atau disebut juga sebagai *al-Hanabilah* atau *al-Athariyyah*).
- ii. Pendirian sebenar Islam perspektif Ahli Sunah Wal Jamaah adalah bersifat *al-wasatiyyah wa al-i'tidal* iaitu yang 'adil-beradab'. Ia merujuk juga kepada keseimbangan antara inklusif dan eksklusif serta antara terlalu ketat, rigid dan literal (*tafrit*) dan terlalu longgar (*ifrat*). Pendekatan ini menyeimbangkan antara Qadariah dan Jabariah, antara golongan Muktazilah dan golongan Hashwiah serta yang terkini di antara ekstremisme aliran liberalisme atau pluralisme agama dan ekstremisme agama aliran Salafi yang cenderung membidaahkan, menyesatkan dan mengkafirkan umat Islam dalam perkara khilafiah secara melulu.

Berdasarkan fakta ilmiah, istilah yang khusus bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah telah diterima, diamalkan bahkan diperundangkan oleh umat Islam dan pemerintah di sepanjang zaman secara harmoni. Namun, keadaannya mula berubah selepas Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah (661-728 H), tetapi tenggelam timbul dalam arus kebangkitan jumur Ahli Sunnah Wal Jamaah. Situasi kembali bergolak apabila Syeikh Muhammad Abd al-Wahhab (1115-1206 H) menghidupkan kembali fahaman-fahaman Ibn Taimiyyah yang menyanggahi jumur ulama, apatah lagi setelah aliran Wahabi berkuasa Arab Saudi bermula tahun 1902 M di Riyad, 1922 M di Nejd dan 1932 di Hijaz. Aliran tersebut menjadi punca pertembungan aliran kaum muda dan kaum tua di Nusantara pada awal abad ke-19 M (Wan Zahidi, 2022; Abu Hanifah Haris, 2024).

Sedikit menyentuh pergolakan dalaman akidah umat Islam yang telah dimanipulasi oleh musuh Islam sepanjang zaman. Sentimen perselisihan mazhab-mazhab digerakkan oleh Snoucke Hugronje seorang missionary Kristian yang membuka ruang kepada penjajah Belanda ke atas bumi Aceh. Manakala pertembungan mazhab di kalangan umat Islam pada hari ini dilihat digerakkan oleh Amerika, bagi menguasai ke atas Islam. Contohnya, Saddam Hussein yang bermazhab Sunni dipergunakan untuk memerangi Iran kerana bimbang Syiah sehingga tercetusnya perang Iran-Iraq yang terjadi antara tahun 1980 hingga 1988 telah mengorbankan ratusan ribu umat Islam. Kempen anti-Syiah telah diwujudkan oleh Amerika dan sasaran kempen mereka ialah orang-orang Sunni untuk memburukkan perpecahan antara Sunni dan Syiah. Kempen ini bermula dengan pakatan atas nama Sunni, melawan Syiah (Rahim et al., 2024).

5. Kesimpulan

Penyandaran atau penisbahan mazhab akidah Ashari'ah dan Maturidiah kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah menepati prinsip kesyumulan Islam. Penisbahan tersebut memiliki rahsia yang unik, khususnya sebagai manhaj yang komprehensif dan relevan bagi memelihara keaslian Ahli Sunnah Wal Jamaah, sekali gus mengenyahkan kelompok-kelompok bidaah dan sesat. Perbincangan ini juga membenarkan fakta yang terkandung dalam kitab *Sharah Bagi Matan Jawharah al-Tawhid* yang menyatakan bahawa Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari (W. 324 H) dan Imam Abu Mansur al-Maturidi (W. 333 H) merupakan asal penghulu bagi sekalian Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pengkhususan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah tersebut mencakup dua kepentingan;

- i. Menyediakan manhaj akidah yang konsisten dan komprehensif sebagai garis panduan dalam menilai sesuatu fahaman, aliran dan kepercayaan selaras dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dalam bahasa mudah, standard penilaian akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- ii. Memantapkan dan memartabatkan Islam sebagai cara hidup (way of life) berteraskan manhaj akidah yang syumul mencakupi pendidikan, pentadbiran, perundangan dan amalan berakidah umat Islam di Malaysia.
- iii. Bersikap sederhana dan menyatukan pemikiran umat Islam agar berpegang dengan dasar Islam yang sebenar. Tidak terpengaruh dengan ideologi ciptaan Barat, dan tidak terikut dengan ajaran-ajaran asing yang merosakkan aqidah.
- iv. Berusaha sedaya upaya mengukuhkan pengaruh politik Islam di Malaysia, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan Islam sebagai agama bagi persekutuan. Berwaspada dengan agenda memecahbelahkan umat Islam yang digerakkan oleh Barat dan proksinya, yang bermatlamatkan merobohkan kuasa politik Islam.

Oleh hal yang demikian, dakwaan sesetengah pihak bahawa pengkhususan akidah Ashari'ah dan Maturidiah bersifat monopoli, jumud, sempit dan mundur adalah

meleset daripada jalan kebenaran. Hal ini disebabkan mereka disempitkan oleh pemikiran tekstualisme, kurang menghormati kewibawaan ulama terbanyak, memejamkan mata dari ketamadunan Islam dan beku dari keanjalan disiplin ilmu-ilmu Islam. Polemik RUU Mufti (Wilayah Persekutuan) 2024 yang dicetuskan secara terbuka dan diselangi dengan kritikan-kritikan yang tajam kepada pihak berkuasa agama, khususnya kepada Menteri Agama, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan adalah fakta yang menzahirkan justifikasi tindakan siasah pihak kerajaan menginstitusikan mazhab Ashari'ah dan Maturidiah sebagai manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam negeri-negeri di Malaysia. Dalam masa yang sama, RUU tersebut perlu diperhalusi agar tidak menimbulkan perbalahan mazhab yang lebih meruncingkan. Bahkan semua pihak wajar berwaspada dengan pihak-pihak tertentu yang cuba memanipulasi isu ini untuk mengaut keuntungan pengaruh.

Sumbangan Penulis

Konseptualisasi, Mohd Azhar Abdullah & Ahmad Arif Zulkefli; metodologi, Mohd Azhar Abdullah; analisis data, Mohd Saiba Yaacob; pengumpulan data, Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin, penulisan-persediaan draf asal, Nur Mohd Azhar Abdullah, Ahmad Arif Zulkefli & Mohd Saiba Yaacob; semakan dan penyuntingan, Muhammad Amiri Abdu Ghani. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

Rujukan

- Abdullah Jalil. 2024. Definisi Ahli Sunnah Wal Jamaah Pendekatan Ulama' Muktabar. Julai 2024. T.Tpt: Wisdom Publications. <https://penuntutilmu.com/wp-content/uploads/2024/07/2024-definisi-ahli-sunnah-wal-jamaah-di-tanah-melayu-malaysia.pdf>. Carian: 01/11/2024.
- Abu Hanifah Haris. 2024. Konflik Aliran Progresif Dan Konservatif Di Tanah Melayu: Tumpuan Kepada Polemik Agama Dalam Kalangan Masyarakat Melayu, 1910-An Hingga 1930-An. Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya; Vol. 33 (1) June 2024. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol33no1.2>. Carian: 6/11/2024. H. 27-47.
- Abu Zahrah, Muhammad. 2007. Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah: al-Siyasiyyah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqiyyah. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Abi al-'Izz al-Hanafi, 'Ali bin Muhammad. 2014. Sharh al-'Aqidah al-Tahawiyyah. Tahqiq: Jama'ah min al-'Ulama'. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Akiti, Muhammad Ayman, Zainul Abidin Abdul Halim. 12 Disember 2019. Ahli Sunnah Wal Jamaah Dalam Konteks Alam Melayu. Prosiding Seminar Kebangsaan Asya'irah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.ukm.my/sunni/wp-content/uploads/2020/01/Ahli-Sunnah-Wal-Jamaah-Dalam-Konteks-Alam-Melayu-EDITED.pdf>. Carian: 16/11/2024. H. 1-25.
- Al-Amir, Muhammad bin Isma'il bin Solah. 2011. Al-Tanwir Sharh al-Jami' al-Saghir. Tahqiq: Muhammad Ishak Muhammad. Riyad: Maktabah Dar al-Salam.
- Al-Asy'ari, Hasyim Muhammad (2015). Risalah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah fi Hadith al-Mauta wa Asyrath al-Sa'ah wa Bayan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Artikel. H. 4.

- Al-Athari, 'Abdullah bin 'Abd al-Hamid. (2002). *al-Wajiz fi 'Aqidah al-Salaf al-Salih (Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah)*. Arab Saudi: Wazarah al-Su'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irshad.
- Al-'Ayni, Badr al-Din. 2009. *'Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*. T.tmp: Multaqa' Ahl al-Hadith.
- Al-'Azim Abadi, Abu al-Tayyib Muhammad. 1968. *'Awn al-Ma'bud Sharh Abi Dawud*. Tahqiq: Abd al-Rahman Muhammad Uthman. Cet. 2. Madinah: al-Maktabah al-Salafiyah.
- Al-Baghdadi, 'Abd al-Qahir bin Tahir (1977). *al-Farq bayn al-Firqah wa Bayan al-Firqah al-Najiyah*. Beirut: Dar al-Afaq la-Jadidah.
- Berita Harian. November 2024. IKIM minta ahli akademik pertikai RUU Mufti Wilayah Persekutuan mohon maaf. Oleh Muhammad Yusri Muzamir - November 2, 2024 @ <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1318983/ikim-minta-ahli-akademik-pertikai-ruu-mufti-wilayah-persekutuan>.
- Berita Harian. 2024. RUU Mufti Wilayah Persekutuan tidak bersifat sektarian. Oleh Essa Abu Yamin. 18 Oktober 2024. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1312353/ruu-mufti-wilayah-persekutuan-tidak-bersifat-sektarian>. Carian: 7/11/2024.
- Berita Harian. 1958. 7 November 1958. Ajaran Kaum Muda Menimbulkan Persengeketaan Dalam Kampong.
- Al-Buty, Muhammad Sa'id Ramadan. 1988. *Al-Salafiyah Marhah Zamaniyyah Mubarakah la Maadhzab Islami*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Dahlawi, 'Abd al-Haqq bin Saif al-Din. 1986. *Muqadimmah fi Usul al-Hadith*. Tahqiq: Salman al-Husaini al-Nadwi. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi. 2007. Definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah: Satu Analisis. *Jurnal Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya*. Jun 2007. Bil. 25. file:///C:/Users/User/Downloads/12210.pdf. Carian: 11/11/2024. H. 125-143.
- Ensiklopedia Harian PAS: Pergolakan Kaum Muda-Kaum Tua Pecahkan PAS 15/02/2017 <https://berita.pas.org.my/ensiklopedia-harian-pas-pergolakan-kaum-muda-kaum-tua-pecahkan-pas/>. Carian: 01/11/2-24.
- Fadlan Fahamsyah. 2021. Ulama Salaf dan Khalaf. *JURNAL AL-FAWA'ID STAI ALI BIN ABI THALIB SURABAYA* Vol. XI No.2 September 2021. http://C:/Users/user/Downloads/Ulama_Salaf_dan_Khalaf.pdf. Carian: 11/11/2-24. H. 27-37.
- Hafizah et. al. 2004. *Enklopedia Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn 'Abdin, Muhammad Amin bin 'Umar 1992. *Rad al-Muhtar 'ala Rad al-Mukhtar*. Cet. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn 'Asakir, Abi al-Qasim 'Ali bin al-Hasan. 2018. *Tabyin Kadhif al-Muftara fi ma Nusyba 'ila al-Imam Abi al-Hasan al-'Asy'ari*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Ibn Battal, Abu al-Hassan 'Ali. 2003. *Sharh Sahih al-Bukhari*. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Ibrahim Majdi. 2018. *Pertembungan Ideologi Antara Kaum Muda Dan Kaum Tua Di Malaysia*. 8 March 2018. <https://lestarihikmah.com/2018/03/pertembungan-ideologi-antara-kaum-muda-dan-kaum-tua-di-malaysia/>. Carian: 01/11/2024.
- Ibn al-Fars al-Andalusi, Muhammad bin 'Abd al-Mun'im. 2006. *Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Hajar al-Asqalani. 2008. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. T.tmp: Maktabah Ibn Taimiyyah.

- Ibn Kathir (1999). Abu Fida' Isma'il. Tafsir al-Qur'an al-'Azim. Tahqiq: Sami Muhammad. T.mpt: Dar al-Tayyibbah.
- Ibn al-Malak, Muhamad bin 'Izz al-Din al-Hanafi. 2012. Sharh al-Masabih al-Sunnah li al-Imam al-Baghawi. Tahqiq: Nur al-Din Talib. T. Tmp: Idarah al-Thaqafah al-Islamiyyah.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. 1990. Lisan al-'Arab. Beirut: Dar Sadir.
- Ibrahim et. al (1972). Al-Mu'jam al-Wasit. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Irsyad Al-Hadith Siri Ke-133: Hadith Syaz 23 (الشد). November 2016. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/1449-irsyad-al-hadith-siri-ke-133-hadith-syaz>. Carian: 11/11/2024.
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (1970). Pengertian Ahli Al-Sunnah Wal Jamaah Katogeri; Akidah. Tahun 1970. Tidak diwartakan. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10749>. Carian: 31/10/2024.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. 2018. Tashih Al-Mafahim #5: Kewajipan Melazimi Ahli Sunnah Wal-Jamaah. 04 Disember 2018. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/tashih-al-mafahim/2831-tashih-al-mafahim-5-kewajipan-melazimi-ahli-sunnah-wal-jamaah>. Carian: 31/10/2024.
- Kamus Dewan. 2007. Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Laqqani, Ibrahim (T.th), Sharah Bagi Matan Jawharah al-Tawhid (terj. seorang ulama Jawi). Pattani: Matba'ah Bin Hallabi.
- Luqman Abdullah. 2022. Pegangan Akidah Ahli Sunnahh Wal Jamaah Menurut Fatwa Di Malaysia. Himpunan Kertas Kerja Multaqa Ulama Nusantara Negeri Terengganu 1444H/2022M. Pusat Konvensyen, Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu. 2 Disember 2022. H. 37-46
- Malaysiagazette. 2024. Dakwaan RUU Mufti Wilayah Persekutuan autoritarianisme tidak berasas – IKIM. <https://malaysiagazette.com/2024/10/09/dakwaan-ruu-mufti-wilayah-persekutuan-autoritarianisme-tidak-berasas-ikim/>. Carian: 7/11/2024.
- MalaysiaNow. 2024. Jangan bantutkan pemikir Islam, kata Khairy persoal RUU mufti. Oktober 17, 2024. <https://www.malaysianow.com/my/news/2024/10/17/jangan-bantutkan-pemikir-islam-kata-khairy-persoal-ruu-mufti> Carian: 7/11/2024.
- Al-Marizi, Abu Abdullah bin Muhammad al-Maliki. 2021. Al-Mu'lim bi Fawa'id Muslim. Dar Suhun: Tunisia.
- Mawjan, 'Abd Allah bin al-Husayn. (2006), al-Radd al-Shamil 'ala 'Umar Kamil. Jeddah: Markaz al-Kawn.
- Mohamad Redha Bin Mohamad et al. 2018. Hukum Membaca Qiraat Syaz Di Dalam Solat Berdasarkan Kitab Mursyid Al-'A'izzah Fi Bayan Mauqif Al-Ulama' Min Al-Qiraat Alsyazzah. 4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2018) Kuala Lumpur, 17 October 2018. <https://conference.uis.edu.my/mfifc/images/e-proceeding/2018/213-222.pdf>. Carian: 11/11/2024. H. 213-221.
- Al-Mubarakfuri, Abu al-'Alla' Muhammad 'Abd al-Rahman. 2015. Tuhfaz al-Ahwazi bi Jami' Sharh al-Tirmidhi. Beirut: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Munawi, 'Abd al-Ra'uf bin Taj. 1994. Faidh al-Qadir Sharh al-Jami' al-Saghir. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- MyMetro. 2024. Penegasan Manhaj Akidah Majoriti Ahli Hadis. Dr. Mohd Hasrul Shuhairi. <https://www.hmetro.com.my/addin/2023/08/997952/penegasan-manhaj-akidah-majoriti-ahli-hadis>. Carian: 14/11/2024.
- Al-Nadwah al-'Ilmiyyah lil Syabab al-Islami. 2000. Al-Mausu'ah al-Maysarah fi al-Adyan wa al-Madhahib wa al-Ahزاب al-Mu'asyrah, h. 36.

- Nasron bin Yaacob. 2023. Pendekatan Hasan Al-Banna Dalam Mendamaikan Aliran Salaf Dan Khalaf: Kajian Dan Penilaian. RABBANICA Vol. 4, No. 2 (Nov 2023). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). H. 1-21.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2016. Manhaj Akidah Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Wlayah Persekutuan: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Al-Qasimi, Jamal al-Din. 1979. Al-Jarh wa al-Ta'dil. Beirut: Dar al-Risalah.
- Rahim, Kamarul Zaman et al. 2024. The Influence of Abrahamic Faiths in the Religious Pluralism Agenda in Malaysia. RABBANICA. Vol. 5, No. 2 (Nov 2024). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).
<https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/328/258>. Carian: 14/12/2024. H. 17-34.
- Al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr bin 'Abd al-Qadir. T.th. Mukhtar al-Sihah. T.Tmpt. al-Bara'im li Fattah al-Qadi.
- Al-Sanadi, Muhammad bin 'Abd al-Hadi. T.th. Hashiyah al-Sanadi 'ala Sunan Ibn Majah. T.tmpt: Dar al-Jil.
- Al-Subki, Tajuddin bin 'Ali. 1993. Tabaqat al-Shafi'iyah al-Kubra. Tahqiq: Dr. Mahmud Muhammad. Cet. 2. T. tmp. Hajar li al-Taba'ah wa al-Nasyr.
- Subhi Ibrahim al-Soleh. 1984. 'Ulum al-Hadith wa Musthalahuh. Beirut: Dar al-'Ulum al-Malayiin.
- Al-Shatibi. 1992. Al-I'tisam. Tahqiq: Salim bi Eid al-Hilal. Arab Saudi: Dar Ibn 'Affan.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. 2015. Al-Jami' al-Saghir min Ahadith al-Bashir al-Nadhir. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Tabari, Muhammad bin al-Jarir. 1992. Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an. Beirut: Daral-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhizi, Al-Hafiz Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Surah bin Musa. 1999. Jami' al-Tirmidhizi. Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', no. hadis: 2641.
- The Arab Weekly. 2016. Grozny conference stirs criticism of al-Azhar. Sunday 18/09/2016.
<https://the arabweekly.com/grozny-conference-stirs-criticism-al-azhar>. Carian: 14/12/2024.
- Wan Zahibi, Wan The. 2022. Ahli Sunnah Wal Jamaah Sebagai Tali Penyelamat. Himpunan Kertas Kerja Multaqa Ulama Nusantara Negeri Terengganu 1444H/2022M. Pusat Konvensyen, Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu. 2 Disember 2022. H. 15-29
- YADIM. 2016. Sheikh Haji Abdullah Fahim. 19 Oktober 2016.
<https://www.yadim.com.my/v2/sheikh-haji-abdullah-fahim/>. Carian: 14/11/2024.
- Al-Zabydi, Muhammad bin Muhammad al-Husayni. 2005. Itthaf al-Sadah al-Muttaqin bi Sharh Ihya' 'Ulum al-Din. T.tmp: Dar al-Fikr.
- Zayn al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani. T.th. 'Aqidah al-Najin fi 'Ilm Usul al-Din. Pattani: Matba'ah Bin Hallabi.
- Zulkifli al-Bakri. 2014. Definisi Ahli Sunnah Wal Jamaah. 09/9/2014.
<https://www.scribd.com/doc/239140934/Definis-Ahli-Sunnah-Wal-Jamaah-Dr-Zulkifli-Mohamad-Al-bakri>. Carian: 01/11/2024. H. 1-11.